

09/11/2000

Belia 4B kesal tindakan bantah dasar kerajaan

KUALA LUMPUR, Rabu - Gerakan Belia 4B Malaysia kesal dengan tindakan Dong Jiao Zhong yang membantah dan mempertikai penubuhan Sekolah Wawasan sehingga menimbulkan rasa kecewa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammed.

Setiausaha Agungnya, Datuk Drs Jamaludin Abd Rahim berkata, Belia 4B menganggap Dong Jiao Zhong sebagai menentang dasar yang ditetapkan kerajaan dan pihaknya tidak akan bertolak ansur terhadap pendirian seperti itu.

"Kami bersama 300,000 ahli menganggap sesiapa yang menentang usaha itu sebagai penentang dasar yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya pada sidang akhbar di pejabat Gerakan Belia 4B di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas rasa kecewa Perdana Menteri terhadap Dong Jiao Zhong yang membantah penubuhan Sekolah Wawasan.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, Sekolah Wawasan penting untuk mendedahkan semangat perkongsian generasi muda pelbagai kaum di negara ini bagi menyuburkan kehidupan yang harmoni.

Ini kerana katanya, keadaan di Malaysia dengan rakyat pelbagai kaum tidak sama seperti negara lain, termasuk China.

Dong Jiao Zhong adalah kumpulan yang mewakili lembaga sekolah dan persatuan guru Cina di negara yang menentang penubuhan Sekolah Wawasan dengan mendakwa ia dilaksanakan tergesa-gesa.

Pertubuhan itu juga menyatakan pendirian untuk mempertahankan pendidikan bahasa ibunda di bawah sistem pendidikan kebangsaan supaya identiti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) tidak terjejas.

Semalam, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib turut kesal dan melihat bantahan itu sebagai tindakan yang mementingkan diri sendiri serta menolak penyatuan dan perkongsian pendidikan oleh semua lapisan pelajar.

Drs Jamaludin berkata, Belia 4B menyokong penuh penubuhan Sekolah Wawasan demi semangat perkongsian dan menyuburkan khidupan yang harmoni antara kaum. "Kami tidak ragu-ragu usaha kerajaan menubuhkan sekolah itu untuk masa depan dan perpaduan rakyat negara ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga kesal dengan sikap segelintir rakyat negara ini yang berkempen memburukkan Malaysia di luar negara bagi kepentingan sendiri tanpa memikirkan masa depan rakyat dan negara.

Beliau berkata, kesan tindakan mereka akan turut membabitkan ekonomi, politik dan sosial sekali gus boleh menyebabkan negara mundur dan tidak dapat bersaing dengan negara lain kerana pelabur asing tidak melabur di sini.

Selain itu, beliau menegaskan akan memecat ahli Belia 4B yang menyertai perhimpunan haram atau demonstrasi menentang kerajaan anjuran pembangkang kerana tindakan itu membelakangkan objektif penubuhan Belia 4B membantu kerajaan.

"Sekiranya ada ahli yang terbukti didapati menyertai apa jua kempen menentang kerajaan termasuk mengadakan demonstrasi, Belia 4B tidak teragak-agak memecat mereka," katanya.

Namun, sehingga kini, beliau mendapati tidak ada ahli gerakan Belia 4B yang menyertai perhimpunan yang diadakan pembangkang di Jalan Kebun, Klang, baru-baru ini.

(END)